



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**18 Ogos 2021
9 Muharram 1443h**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Pertama kali bertelur• Isyarat penyu sedia bertelur di pantai Terengganu
Berita Harian	
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Tiga jam jaga telur• Kepuasan ibarat melukis
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Kembali selepas 16 tahun “merajuk”
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• 4 bot nelayan Vietnam ditenggelamkan• Penyu agar dikesan bertelur di Pantai Batu Buruk
The Star	<ul style="list-style-type: none">• A safe space for turtles
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
The Borneo Post (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">• Work together to make Terengganu beaches turtle friendly-Expert (Online)

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	13	18/08/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

Kosmo! RABU 18 OGOS 2021 | Negara! | 13

Penyu agar betina mendarat untuk bertelur di Pantai Batu Burok, Terengganu

Kembali selepas 16 tahun ‘merajuk’

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU – Seekor penyu kembali mendarat untuk bertelur di Pantai Batu Burok di sini kelmarin selepas dilakukan merajuk selama hampir 16 tahun.

Haiwan seberat 100 kilogram itu mendarat di pantai peranginan tersebut yang terletak berhampiran Hotel Primula pada pukul 6.50 petang.

Che Muktar Bakar, 57, dari Kubang Parit di sini berkata, beliau berasa teruja melihat penyu agar mendarat semasa jogging di kawasan tersebut.

“Reptilia itu naik secara perlahan-perlahan menuju ke pantai sebelum mengorek pasir.

“Saya melihat proses bertelur dari jauh hingga waktu maghrib dan haiwan itu kembali ke laut pukul 8 malam (kelmarin),” katanya ketika ditemui Kosmo! di Pantai Baru Burok semalam.

Menurut Pengarah Politeknik Besut itu, beliau kemudian memaklumkan kepada Jabatan Perikanan Terengganu untuk tinjakan selanjutnya.

Sementara itu, aktivis pemuliharaan penyu, Rani Awang memberitahu, proses mengutip 50 biji telur penyu selesai sepenuhnya pukul 11 malam kelmarin.

Jelas Pengasas Konservasi Penyu Marang itu, kesemua telur itu diserahkan kepada Jabatan Perikanan Terengganu sebelum dibawa ke Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Rantau Abang, Dungun untuk dieram.

“Berdasarkan pengalaman saya, penyu agar itu masih muda dan baru belajar bertelur. Secara normalnya induk matang mampu bertelur 80 hingga 140 biji pada satu-satu masa,”

“Ini merupakan peristiwa persejarah kerana sudah lama penyu tidak mendarat di Pantai Batu Burok untuk bertelur,” katanya.

Rani tidak menolak kemungkinan faktor kualiti pantai yang sebabkan Perintah Kawalan Pergerakan mendorong reptilia itu kembali ke pantai untuk bertelur.

Tambahnya, sebelum ini, faktor cahaya terang dan aktiviti manusia hingga lewat malam menyebabkan penyu ‘merajuk’.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY	25	18/08/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

4 bot nelayan Vietnam ditenggelamkan

Proses pelupusan bot itu dilakukan pada jarak 4.4 batu nautika dari Pantai Sabak

PASIR PUTEH — Genasi Pengawal Maritim Malaysia (Maritim) Kelantan pada Selasa melupuskan empat bot nelayan asing Vietnam secara penenggelaman untuk dijadikan tukun tiruan di perairan negeri itu.

Pengarah Maritim Kelantan, Kepala Syed Nor Adli Syed Ab Rahman berkata, proses pelupusan bot-bot yang telah dirampas serta dilucutkan hak itu dilakukan pada jarak 4.4 batu nautika dari Pantai Sabak Pengkalan Chepa, dekat Kota Bharu.

Beliau berkata, kesemua bot nelayan yang ditenggelamkan itu dianggarkan berjumlah RM6 juta dengan nilai denda mahkamah sebanyak RM4.2 juta.

"Kesemua bot yang dilupuskan ditahan melalui Operasi Naga Barat pada 2019 dan Operasi Kuda Laut tahun lepas, atas kesalahan menceroboh perairan dan melakukan aktiviti perikanan tanpa kebenaran di perairan Kelantan."

"Penahanan empat bot ini juga melibatkan penahanan 36 kru termasuk tekong nelayan Vietnam. Kesemuanya disabitkan kesalahan mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985

Sebahagian empat bot nelayan Vietnam ditenggelamkan dijadikan tukun tiruan di perairan Kelantan pada Selasa.

kerana menangkap atau cuba menangkap ikan di perairan Malaysia," katanya di Ibu Pejabat Maritim Kelantan di sini pada Selasa.

Beliau ditemui selepas menyaksikan operasi pelupusan yang dilaksanakan selama kira-kira dua jam dan operasi turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan Maritim Malaysia, Khairul Anwar Bachok.

Syed Nor Adli berkata, bagi tahun ini operasi pelupusan berkenaan merupakan pelaksanaan kali kedua melibatkan bot nelayan asing Vietnam, dengan bagi kali pertama, ia dijalankan pada April dan Mei lepas melibatkan dua bot yang dilupuskan dengan kaedah dihancurkan.

"Sejak 2007, APMM Kelantan telah melupuskan 242 bot nelayan asing Vietnam dengan anggaran nilai RM363 juta.

"Sebanyak 181 bot dilupuskan secara penenggelaman untuk dijadikan tukun tiruan yang di-tempatkan di sekitar perairan Tok Bali, Kuala Besar, Tumpat, Pulau Perhentian serta Taman Tukun Keputeraan.

"Sementara itu, 16 bot dihancurkan berikutan struktur fizikal yang reput dan tidak layak dijadikan tukun, 25 bot dijual atau dilelong dan 20 bot dihadiahkan kepada agensi-agensi kerajaan termasuk universiti atas pelbagai jenis tujuan yang tidak melibatkan aktiviti perikanan," jelasnya.

Bagaimanapun beliau berkata, kaedah pelupusan secara jual atau lelong telah dihentikan kerana berlakunya komplot oleh warga tempatan yang menjadi ejen kepada pemilik asal dengan membida serta membeli bot yang dilelong kemudian dihantar semula ke Vietnam. - Bernama

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		25	18/08/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			



Penyu agar dianggarkan berusia antara 15 hingga 18 tahun dikesan mendarat untuk bertelur di Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu pada Isnin.

KUALA TERENGGANU - Seekor penyu agar dikesan mendarat untuk bertelur berhampiran sebuah hotel di Pantai Batu Buruk di sini pada Isnin.

Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, penyu berkenaan mula bertelur antara jam 7 petang dan 8.50 malam dengan jumlah telur sebanyak 49 biji.

"Penyu tersebut dianggarkan berusia 15 hingga 18 tahun dan dikategorikan sebagai penyu muda berdasarkan saiz kesan ditinggalkan serta jumlah telur dihasilkan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Ruzaidi mengingatkan orang ramai supaya tidak mengganggu haiwan berkenaan sepanjang berada di darat atau ketika turun ke laut.

"Berdasarkan maklumat diterima, penyu itu telah di ganggu ketika perjalanan naik ke darat.

"Perbuatan ini boleh disabitkan kesalahan di bawah

Seksyen 12B Enakmen Penyu 1951 (Pindaan 1987) dan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan, atau kedua-duanya jika sabit kesalahan," katanya.

Beliau berkata, telur penyu berkenaan dibawa ke Pusat Konservasi Dan Penerangan Penyu Rantau Abang, Dungun untuk proses pengeraman.

Sementara itu, Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Uzair Rusli berkata, penyu agar naik ke pantai Pantai Batu Buruk merupakan petanda pantai berkenaan sudah sesuai dengan persarangan penyu.

"Mungkin aktiviti orang awam di pantai itu berkurangan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan tiada gangguan kepada penyu untuk mendarat," katanya.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		11	18/08/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			



RANI Awang (dua dari kiri) membantu anggota Jabatan Perikanan negeri mencari telur penyu di Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

Pertama kali bertelur

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamulia.com.my

KUALA TERENGGANU: Kehadiran penyu agar di Pantai Batu Buruk di sini semalam mencipta sejarah apabila buat pertama kalinya pendaratan penyu direkodkan di destinasi tumpuan pelancong itu.

Lebih istimewa apabila penyu muda yang dianggarkan berusia antara 15 hingga 18 tahun itu sempat menghasilkan 49 telur sebelum kembali ke habitatnya.

Pengarah Perikanan negeri, Ruzaidi Mamat berkata, reptilia marin itu dilaporkan naik bertelur berhampiran Hotel Primula

pada pukul 7 malam dan selesai kira-kira dua jam kemudian.

"Berat dan saiz penyu tidak dapat ditentukan memandangkan ibu penyu sudah turun ke laut semasa pegawai tiba, namun kita menganggarkan usianya antara 15 ke 18 tahun berdasarkan pada saiz trek dan jumlah telur,"

"Mengikut rekod jabatan, tiada pendaratan penyu pernah dilaporkan di Pantai Batu Buruk hingga kini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Ruzaidi berkata, kesemua telur berkenaan kemudian dibawa ke Pusat Konservasi dan Penyelenggaraan Penyu (TCIC) di Rantau Abang, Dungun untuk pengera-

man.

Dalam perkembangan sama, beliau menasihatkan orang awam agar tidak mengganggu reptilia marin itu semasa naik ke darat atau turun ke laut.

Katanya, jika sabit kesalahan boleh didakwa mengikut Seksyen 12B Enakmen Penyu 1951 (pindaan 1987) dengan denda sehingga RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu, kerja-kerja mencari telur penyu berkenaan turut dibantu Pengasas Konservasi Penyu Marang, Rani Awang di samping beberapa orang awam yang teruja melihat situasi tersebut secara dekat.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT 11	TARIKH 18/08/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Isyarat penyu sedia bertelur di pantai Terengganu

KUALA TERENGGANU: Kejadian luar biasa penyu mendarat di Pantai Batu Buruk di sini memberi isyarat yang reptilia marin itu bersedia bertelur di sepanjang 225 kilometer pantai di negeri ini dari Kemaman ke Besut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Makmal Penyeidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Mohd. Uzair Rusli berkata, perkembangan positif itu menggambarkan yang keseluruhan kawasan berkenaan sesuai untuk sarang penyu selain lokasi-lokasi pantai yang sinonim sebelum ini.

Katanya, penyu merupakan haiwan yang amat sensitif serta berhati-hati dalam memilih lokasi persarangan dan kedudukan Pantai Batu Buruk yang berdekatan bandar menyebabkan ia tidak begitu popular bagi tujuan tersebut.

"Kemunculan reptilia marin itu berkemungkinan kerana kurangnya aktiviti orang awam di pantai berkenaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

"Penyu yang mahu bertelur lazimnya mencari pantai seawal pukul 3 petang lagi dan sebarang gangguan bakal menjelaskan pendaratannya, namun sejauh

mana komitmen kita untuk menyediakan pantai mesra penyu buat haiwan itu," katanya hari ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 7 malam itu, penyu agar yang dianggarkan berusia antara 15 hingga 18 tahun berkenaan sempat menghasilkan 49 telur sebelum kembali ke habitatnya.

Menurut Mohd. Uzair, beberapa perkara perlu diberikan perhatian oleh masyarakat jika mahu melihat penyu terus naik bertelur di pantai-pantai berdekatan dengan kediaman masing-masing.

Katanya, ia termasuk mengu-

rangkan pencahayaan ke pantai kerana penyu amat sensitif kepada lampu dan tidak membuat unggun api di lokasi berkenaan.

"Di samping itu, kita perlu memperbaikkan penanaman pokok merambong di kawasan pantai kerana difahamkan penyu gemar bertelur di bawah pokok berkenaan, jadi walaupun pantai kita bising dan bercahaya terang, pokok itu boleh membantu memberi keselesaan untuknya.

"Yang paling mustahak, orang awam perlu terus menjaga kebersihan pantai kerana selagi pantai bersih, lebih banyak lagi penyu akan mendarat," katanya.



MOHD. UZAIR RUSLI

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	/	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN		ORIENTAL DAILY	11	18/08/2021
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF		NEUTRAL		

A safe space for turtles

Expert: Work together to make Terengganu beaches reptile-friendly

KUALA TERENGGANU: The turtle landings on Batu Buruk beach signal that the reptiles are ready to lay their eggs along the 244km coast stretching from Kemaman to Besut, as well as on the resort island beaches.

Turtles are careful in choosing a landing to lay their eggs, said Universiti Malaysia Terengganu, Institute of Oceanography and Environment, External Research Laboratory head Dr Mohd Usair Rusli.

"With its rapid development and close location to the city, the Batu Buruk beach is no longer a popular turtle landing location.

"When preparing to lay their eggs, turtles look out for a beach as early as 3pm and as such, noise pollution and activities on the beach in the afternoon will affect turtle landings.

"The presence of the turtles was probably because there were no public activities to distract them," he said in a statement.

He said it was time for all parties to work together to make the Terengganu coastline a safe and friendly environment for turtles.

"There are a few things to pay attention to if we want to see turtles laying eggs on nearby beaches. Among them is to reduce the amount of lighting towards the beach.

"Turtles are susceptible to light. Therefore, do not place lighting in a high position and ensure that the lights cannot be seen from the beach. Red lighting is highly recommended because it is much less sensitive to the light waves," he said, while hoping that the local authorities (PBT) in each district would cooperate and take note of the matter.

In addition, he advised the public to avoid going for leisure activities at these spots and to stop lighting bonfires at the beach at night.

"The PBTs can put up notices as reminders and educate the public on selected beaches. With the financial support of corporate bodies, the PBTs could put up more notice boards and display signs.

"We also need to intensify the planting of Merambong trees around the beach area.

"According to reports, turtles prefer to lay their eggs under these shrubs as they provide shade and protection. So, even though our beaches are noisy and bright, the Merambong shrubs help give comfort to the turtles while they lay their eggs," he said.

Yesterday, a turtle was reported to have landed on the Batu Buruk beach near Hotel Prima at about 6.30pm. It managed to lay about 50 eggs.

Terengganu Fisheries Department director Ruzaldi Mamat said they could not determine the weight and size of the turtle as it had returned to the sea by the time the officers arrived at the location.

"However, the turtle is estimated to be between 15 and 18 years old based on the size of the track and the number of eggs laid. The turtle eggs were taken to the Turtle Conservation and Information Centre in Rantau Abang for incubation.

The public is advised not to disturb the turtles while they are coming ashore, crawling on land or moving back to the sea, as the act is an offence under Section 12B of the Turtle Enactment 1951 (amended 1987) which provides a fine not exceeding RM1,000 or imprisonment of not more than six months or both upon conviction," he said.

— Bernama



Back to the sea: A female turtle moving towards the water after laying eggs on Batu Buruk beach in Kuala Terengganu. — Bernama

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	21	18/08/2021
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

Tiga jam jaga telur

Oleh Ahmad Rabihul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Bimbang telur penyu agar menjadi habuan haiwan pemangsa atau dicuri individu tidak bertanggungjawab, jurugambar sambilan The News Straits Time Press (NSTP) sanggup menunggu lebih tiga jam di Pantai Batu Buruk untuk memastikan keselamatan telurnya.

Ghazali Kori, 32, berkata, usahanya itu berbaloi apabila bukan sahaja dapat menyaksikan penyu agar bertelur malah ia diselamatkan Jabatan Perikanan Malaysia (JPM) Terengganu dan badan bukan kerajaan (NGO) pemuliharaan penyu.

Menurutnya, dia teruja menyaksikan detik berkecuaan apatah lagi selepas dimaklumkan lebih 16 tahun penyu tidak mendarat di pantai itu untuk bertelur.

Berongsi pengalaman bergegas ke pantai berkecuaan selepas melihat videoular di media sosial memaparkan penyu agar naik di pantai berkenaan jam 6.50 petang, kelmarin.

"Saya bergegas ke pantai itu untuk mengesahkan sama ada video dikongsikan warganet itu benar atau sebaliknya.

"Sebaik sampai, saya melihat ada kesan penyu menyusur dari pantai ke darat dan mengikuti jejak berkenaan.

"Saya menemukan penyu agar itu yang bertelur kira-kira 50 meter daripada pantai dan tidak melepas pantai peluang merakam gambar. Ketika itu penyu itu hampir habis ber-

Berikutnya, Ghazali berkata, dia bergegas ke pantai berkecuaan selepas melihat videoular di media sosial memaparkan penyu agar naik di pantai berkenaan jam 6.50 petang, kelmarin.

"Menurutnya, bimbang keselamatan telur penyu itu daripada pemangsa dan dicuri individu tidak bertanggungjawab, dia menghubungi Jabatan Perikanan Malaysia (JPM) Terengganu.

"Saya dan rakan tungku di kawasan telur itu sehingga wakil JPM dan NGO pemuliharaan penyu datang menyelamatkannya.

"Pengalaman menyaksikan penyu bertelur bukan sesuatu yang biasa kerana telur sebelum meninggalnya untuk kembali ke laut jam 8 malam," katanya.

Menurutnya, penyu bertelur di pantai Batu Buruk kelmarin disedari beberapa individu yang melarazi di kawasan itu.

"Faktor kualiti pantai yang semakin bersih dan tenang tanpa kehadiran orang ramai susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan reptil itu berasa selamat untuk bertelur di pantai berkenaan," katanya yang juga Pengerusi Konservasi Penyu Marang.

Pengalaman menyaksikan penyu bertelur bukan sesuatu yang biasa
Ghazali

PENYU agar betina yang mendarat dan bertelur di Pantai Batu Buruk kelmarin disedari beberapa individu yang melarazi di kawasan itu. GAMBAR NSTP/GHAZALI KORI

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		34	18/08/2021
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			



KuBELA

KEPUASAN IBARAT MELUKIS

Nasir Isa tertarik pelihara ikan laga disebabkan kelelah, 'agresif' dan 'pakej' rupa yang pelbagai warna dan corak

FOKUS
Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna.metro.com.my

Seperi yang hasilkan satu karya lukisan itu gambaran mengenal kepriasan yang dirasai pemahat ikan laga atau Beta Fish, Nasir Isa, 50, apabila berjaya membiak spesies haiwan berkenaan dalam koleksinya.

Kata Nasir, orang yang memelihara ikan biasan memiliki pelbagai tujuan. Dia tertarik disebabkan ketekeli 'agresif' dan 'pakej' rupa ikan itu yang pelbagai warna serta corak.

"Seronoknya hermain ikan laga seperti kita melukis. Spesies ikan laga yang moden atau hibrid ini mempunyai pelbagai warna. Boleh sasarkan bentuk dan corak dilukiskan pada anak ikan yang akan datang."

Orang ramai mahu ikan laga dengan warna merah dan tompek putih, kita cari baka induk yang banyak warna merah serta kahwin kan dengan pasangan yang sama.

"Maka hasilnya anak baka merah dan tompek putih seperti spesies Fancy Hellboy atau Fancy Redbase."

"Kalau saya hasilkan corak atau tompek

yang besar bagi spesies 'candy', saya akan buat pemilihan baka induk yang mempunyai ciri-ciri itu supaya dapat 'batch' anak-anak ikan laga dengan corak yang berbeza, katanya."

Kata Nasir lagi, pembibak ikan laga itu sendiri mempunyai teknik tertentu kerana spesiesnya agresif dan mampu mencederaikan pasangannya.

"Dalam usaha membibak spesies ikan laga, ada teknik tertentu. Biasanya saya akan lakukan 'pembibakan' pada segera setelah terima iku itu diantara dalam memelihara ekosistem."

"Saya pernah sekali cuba buat 'cross breeding' antara spesies moden dan spesies ikan laga liar (wild betta) tetapi hasilnya tidak memuaskan. Saya terpaksa pelihara sendiri atau dijual pada harga yang rendah untuk dibeli pemula ikan."

Pada pengalaman pembibak ikan tidak lakukan 'cross breeding' kerana itu dikhususkan menyebabkan ada anak ikan yang cacat. Paling penting bagi yang pelihara ikan laga untuk tidak sewenang-wenangnya lepasikan ikan hibrid atau ikan hasil pembibakan sedemikian kerana boleh jejaksi ekosistem."

ANTARA spesies ikan laga liar (wild betta) yang paling diminati Nasir, Alian.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		35	18/08/2021
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

"Cara terbaik sehingga ikan terabit mati secara semula jadi dan ditamat berbanding dilepasnya ke sumber air. Itu pengetahuan perlu dibaca bagi setiap individu yang gemar melihara ikan," katanya.

Bagi pemelihara induk juga, biasanya Nasir akan memilih baka berusia lima bulan ke atas untuk dibikak dan bergantung kepada permintaan serta trend pemintahan ikan laga ketika itu.

"Cara pembiakan ikan pula, saya akan letakkan induk dalam satu tangki ikan tanpa akhirnya mengadakan sementara atau dipisahkan dalam satu ruang yang bolch ikan jantan nampak.

"Apabila ikan jantan dilepaskan bebas dalam bekas yang sama mula mengeluarkan buih, itu menandakan ikan jantan sudah sukakan pasangannya. Barulah angkat penghalang yang mengurung ikan betina tadi.

"Biasanya proses ini berlaku sekitar tiga hari dan tolur mulai mewacat perlu diasingkan bagi mengelak dimakan ikan induk," katanya.

Mengenai perbezaan spesies yang ada kata Nasir, ikan laga terbahagi kepada dua iaitu spesies liar seperti alien, mahacai, imbellis dan guitar.

Manakala bagi spesies moden pula membabitkan avatar black galaxy, blue riri, nemo, koi, samuran, tancho dan banyak lagi. Sesetengah mempunyai pemintah tersendiri.

"Seperti sifat katanan setiap orang ada sebab tersendiri memelihara ikan ini. Ada yang bela untuk pertandingan seperti Bangkok Fighter.

"Bukan pertandingan laga ikan seperti dulu sebaliknya format pertandingan laga ikan sekarak berbeza. Ikan dimain agresif berdasarkan jumlah paugtan pada satu jenis alat plastik.

"Ada juga bela ikan untuk cantikkan rumah selain tujuan terapi. Satu kes memperbaiki, seorang pemilik ikan ini seorang perempuan yang menggunakan ikan laga untuk bantu dia tidur."

Katanya.

Berkongsi pengalaman mencabar membeli ikan berkarak, kata Nasir, dia mengatakan ia adalah laskar apabila manpu bertarung sehingga tiga minggu dalam air yang sama, ia masih ada kelelahan dan penyakit.

"Seperti ikan lain, penyakit ikan laga turut dikaitkan dengan kualiti air. Jika PH air terjejas dan kandungan ammonia tinggi, ikan akan sakit serta mati.

"Ikan laga yang sakit biasanya tidak akan alert bergerak dan kerap berada di dasar bekas air. Kalau tidak dirawat atau ditukar ia boleh mati."

Pengalaman saya kecil awal bela dahulu memang tidak tahu cara yang betul menyebabkan ikan laga mati. Tidak sampai seminggu sudah mati.

"Isteri saya, Ruziana Makhragi, 50, sampai larang saya hawa ikan lagi ketika itu kerana rasa kasihan apabila terlalu banyak ikan peliharaan kami yang mati," katanya.

Dalam banyak-banyak ikan laga, spesies Half Moon paling suka dijaga kerana satz ekornya yang panjang menyebabkan hawa dan gempar sangat ekornya apabila stress.

"Kalau orang baris bela ikan laga, mereka memang minat dengan spesies Half Moon kerana ekornya kembang dan nampak cantik."

"Tetapi spesies ini gemar gigi ekor dan akhirnya akan mati kerana itu. Saya sendiri hanya mampu pelihara ikan itu selama lapan bulan sebelum memutuskan untuk pelihara spesies lain," katanya yang turut bersyukur kerana mendapat sokongan penuh isteri dan anak-anak yang mempunyai minat serta membantu menguruskan ikan peliharanya.

"Ikan laga ini ada mustahak dan membuat mencancang-cancang kelika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terutama masa pertama apabila orang berada di rumah serta mencari hobi baru."

"Meskipun kerja hakiki saya terjejas iaitu sebagai pemandu van sekolah yang tidak dapat beroperasi sehingga ke hari ini, alih-alih hobi bela ikan laga ini menjadi rezeki utama saya sekiranya."

"Isteri dan anak-anak juga yang banyak membantu menukar air dan memberi makan ikan laga saya," katanya.

ANAK ikan laga pelbagai spesies yang berhasil dibela Nasir.

MENGUNAKAN topis kecil bagi menengkap ikan.

HELLBOY spesies yang menjadi buruan pemintah ikan laga bagi menyertai pertandingan.

FOTO & VIDEO : CARIZWAN WARDUSALE

NASIR ketika menburuk palet bagi ikan kesayangannya.

CERMIN kecil menjadi alat untuk Nasir bermain dengan kan laga peliharaannya.

KELJARGA menyokong penutup minat Nasir pelihara ikan laga yang kini turut menjadi pendapatan utama

NASIR

Anda mempunyai pengalaman, koleksi gambar menarik bersama haluan atau haluan peliharaan boleh dikongsikan dengan menghubungi melalui rencana@metro.com.my

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT ONLINE	TARIKH 18/08/2021
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI THE BORNEO POST (KUCHING)		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		

The Borneo Post

Work together to make Terengganu beaches turtle friendly — Expert

18 Aug 2021 | +2 more



A turtle heading to the sea to lay eggs.

KUALA TERENGGANU: The turtle landing on Batu Buruk beach here last night gives the message that the reptile is ready to lay their eggs along the 224-kilometre coast stretching from Remaman to Besut, as well as on the resort island beaches, which have been their

favourite spots.

Universiti Malaysia Terengganu, Institute of Oceanography and Environment, External Research Laboratory head Dr Mohd Uzair Rusli said turtles are very sensitive and careful in choosing a

landing to lay their eggs.

"With the rapid development and its close location to the city, Batu Buruk beach is no longer a popular turtle landing location.

"Actually, when laying their eggs,

the turtles will look out for a beach as early as 3pm and as such, noises and activities on the beach in the afternoon will affect the turtle landing.

"The presence of the turtle last night was probably because there was no public activity to distract it," he said in a statement yesterday.

Elaborating he said, it was time for all parties to work together to make the Terengganu coastline a safe and friendly environment for turtles.

"There are a few things to pay attention to if we want to see turtles laying eggs on nearby beaches among them, to reduce the amount of lighting towards the beach. Turtles are very sensitive to light. Do not place the lightings at high position and make sure the lights cannot be seen from the beach. Red lighting is highly recommended because turtles are less sensitive to the light waves," he said while hoping that the local authorities (PBT) in each district would cooperate and take note of the matter.

In addition he advised the public to avoid going for leisure activities there and making bonfires at the beach at night.

"We also need to intensify the planting of merambong trees around the beach area because according to reports turtles prefer to lay their eggs under these shrubs as they provide shade and protection. So, even though our beaches are noisy and bright, the merambong shrubs help give comfort to the turtles while laying their eggs," he said.



Rani Awang, 68, (centre) and his friends collecting turtle eggs.

reminders and to educate the public at certain and selected beaches. With the financial support of corporate bodies, the PBTs could put up more notice boards and display signs.

Yesterday, a turtle was reported to have landed on Batu Buruk beach near Hotel Primula at about 6.50 pm and managed to lay about 50 eggs.

Conservation and Information Centre in Rantau Abang for the purpose of incubation.

"The public is advised not to disturb the turtles while they are coming ashore, crawling on land or moving back to sea, as the act is an offence under Section 12B of the Turtle Enactment 1951 (amended 1987) which provides a fine not exceeding RM1,000 or imprisonment of not more than six months or both upon conviction."